

# Umno Trengganu cari ahli seleweng

KUALA LUMPUR, Ahad — Badan Perhubungan UMNO Trengganu mengarahkan semua bahagian mengemukakan senarai ahli-ahli UMNO yang menyeleweng dalam pilihanraya 22 April lalu, untuk diambil tindakan.

"Kita sedar kekalahan lima calon Barisan bukan kerana kekuatan PAS tetapi kerana ahli UMNO sendiri yang menyeleweng," kata setiausahanya, Tengku Mahmud Mansor, hari ini.

Beliau tidak menerangkan apakah bentuk tindakan yang akan diambil, sebaliknya

menyerahkan kepada Jawatankuasa Perhubungan untuk memutuskannya.

Menurutnya, lima kawasan yang dimenangi oleh PAS iaitu Batu Buruk, Wakaf Mempelam, Marang, Jeram dan Manir disebabkan penyelewengan ahli-ahli UMNO.

Katanya, PAS tidak dapat majoriti yang besar sekalipun berlaku penyelewengan ahli UMNO dalam pilihanraya yang lalu.

"Ini menunjukkan kekuatan UMNO Trengganu masih wujud dan harapan PAS untuk mendapat kepercayaan dalam pilihanraya akan datang sukar jika ahli-ahli UMNO yang

menyeleweng diambil tindakan dan perpaduan UMNO utuh.

Beliau berharap senarai ahli-ahli yang menyeleweng dapat diterima secepat mungkin bagi membolehkan Perhubungan Negeri menyelesaikan masalah itu seberapa segera.

## Calon

Katanya, kebanyakan mereka yang menyeleweng ialah kalangan yang tidak puas hati mengenai pemilihan calon dan tidak terpilih untuk bertanding dalam pilihanraya lalu.

Tengku Mahmud memberitahu, keseluruhannya majoriti Barisan Nasional me-

ningkat dan lima dari 10 kubu PAS sejak 1974 jatuh ke tangan Barisan Nasional.

Beliau juga membayangkan, besar kemungkinan UMNO Trengganu akan mengadakan 'post mortem' atau membuat perubahan besar bagi mengatasi masalah yang berbangkit akibat pilihanraya lalu.

"Post mortem perlu dibuat bagi membuang segala penyakit dalam parti dan tubuh badan UMNO supaya parti itu kembali segar untuk menawan semula lima kerusi yang dimenangi oleh PAS dalam pilihanraya akan datang," tambah beliau.